

Rusa rupanya kerbau

■ Ramai tertipu beli daging pada harga murah

Oleh Siti Nor Hidayatdayu Razali
sitinor@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Penipuan keji. Itu yang boleh dirumuskan bagi peniaga yang mengaku menjual daging rusa, tetapi sebenarnya hanya memperdagangkan daging kerbau.

Malangnya, pengguna yang suka membezakan antara daging rusa asli dengan kerbau terpengaruh, apatah lagi ia dijual pada harga murah berbanding harga pasaran sebenarnya yang mencecah RM70 sekilogram.

Kegiatan itu dikesan berleluasa di Kelantan menyebabkan penternak dan peniaga rusa kerugian.

Penjual daging rusa tiruan menjualnya pada harga RM25 hingga RM30, lebih separuh murah daripada harga asal.

Mendedahkan kegiatan itu, pemilik Ladang Rusa Afia, Azreen Mohamed, 38, berkata, sindiket penjualan



SEBAHAGIAN rusa yang diterbak. Azreen (gambar kecil) menunjukkan sijil laporan makmal perbandingan harga daging rusa palsu dan daging rusa asli.

daging rusa tiruan dilakukan in- menjual daging rusa asli dan di-

dividu tidak bertanggungjawab menggunakan daging kerbau.

"Pengguna yang tak tahu apa-apa mengenainya kerana sukar bezakan antara daging rusa asli dan tiruan akan mudah percaya.

"Tekstur dan struktur daging kerbau dan rusa hampir sama. Hanya rasa yang boleh membezakan kedua-duanya.

"Tetapi penjual tidak bertanggungjawab dakwa mereka

peroleh pada harga sangat murah berbanding asli.

"Promosi sebegini menggugat kami memandangkan harga daging rusa asli mencecah RM70 sekilogram," katanya ditemui di ladang rusa miliknya di Kampung Kedai Lama, di sini, baru-baru ini.

Azreen berkata, kewujudan sindiket itu menggugat perniagaannya dan menyukarkan penternak rusa memandangkan rakyat lebih mudah terpengaruh dengan jualan murah.

FAKTA

Harga pasaran daging rusa asli boleh mencecah RM70 sekilogram

Persatuan pengguna terima aduan

Kota Bharu: Beberapa aduan diterima Persatuan Pelindung Pengguna Kelantan berhubung penjualan daging rusa tiruan.

Presidennya Ahmad Othman berkata, aduan itu diterimanya daripada pengguna yang mengidam mahukan daging rusa, namun tertipu apabila membeli daging lain.

"Walaupun tidak banyak aduan, saya yakin ada pengguna terkena dengan penipuan peniaga ini cuma enggan tampil ke hadapan.

"Kami memandang serius perkara ini dan berharap pihak berkuasa mengambil tindakan segera.

"Ia juga boleh menjelaskan industri penternakan rusa disebabkan daging ini juga mempunyai peminat dan mendapat permin-

taan pelbagai peringkat masyarakat," katanya ketika dihubungi, di sini.

Beliau juga menasihati pengguna supaya lebih berhati-hati ketika membuat pembelian.

"Sebelum membeli, cuba periksa terlebih dulu kerana setiap daging mempunyai perbezaan dari segi struktur dan rasa," katanya.

Beliau berkata, jika terdapat penjualan daging rusa tiruan, pengguna diminta segera melapor kepada pihaknya yang juga ahli gabungan FOMCA.

Pengguna juga boleh membuat laporan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk tindakan lanjut.